



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Universiti Teknologi MARA dengan ini mempelawa calon-calon Bumiputera Warganegara Malaysia yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan Pentadbiran Harian di UiTM Cawangan Johor, **Kampus Segamat**.

BIL	JAWATAN	KADAR UPAH
1.	PENYELIA ASRAMA	RM 54.00/Sehari

1) PENYELIA ASRAMA

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c)
 - (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
 - (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
 - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- (d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

PERHATIAN KEPADA PEMOHON

1. Pemohon-pemohon lantikan terus hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
2. Permohonan daripada calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau badan-badan Berkanun mestilah melalui **Ketua Jabatan** dan hendaklah disertakan dengan **Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini**.
3. Setiap permohonan mestilah disertakan bersama Salinan dokumen berikut yang telah **disahkan**:
 - Kad Pengenalan
 - Sijil SRP/PMR, SPM/MCE, HSC/STPM atau setaraf
 - Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana, PhD (Skrol dan Transkrip Akademik/Terperinci)
 - Surat Pengesahan Perkhidmatan daripada majikan sedia ada/terdahulu untuk mengambil kira pengalaman kerja/penetapan gaji
 - Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini (bagi kakitangan Kerajaan/Badan Berkanun/Separa Kerajaan yang sedang berkhidmat)
4. Nama Jawatan/Bidang & Fakulti yang dipohon hendaklah dinyatakan di penjuru atas sebelah kiri sampul permohonan.
5. **Borang yang tidak lengkap dan permohonan calon dari Jabatan Kerajaan/Badan Berkanun/Separa Kerajaan yang tidak melalui majikan tidak akan diproses.**
6. Hanya pemohon-pemohon yang layak dan disenarai pendek akan dipanggil untuk temuduga.
7. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan **selepas enam (6) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah **dianggap tidak berjaya**.
8. Pemohon-pemohon mestilah bersedia untuk berkhidmat di UiTM Cawangan Johor.
9. Permohonan hendaklah dibuat di dalam Borang Perjawatan Universiti Teknologi MARA.
10. Borang boleh diperolehi dengan melayari laman sesawang UiTM Cawangan Johor di <http://johor.uitm.edu.my/v1> atau di Bahagian Pentadbiran, Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor, Kampus Segamat.

Tarikh tutup permohonan adalah pada **16 Mac 2020**.
Sila kemukakan permohonan kepada:



**UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA**

**TIMBALAN PENDAFTAR KANAN
BAHAGIAN PENTADBIRAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN JOHOR
KAMPUS SEGAMAT
JALAN UNIVERSITI OFF KM. 12 JALAN MUAR
85000 SEGAMAT
JOHOR DARUL TA'ZIM**

No Tel : +(607)-935 2020 / 2273 / 2272